



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**12 Jun 2023
23 Zulkaedah 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Perak pengeluar terbesar arowana
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Factor cuaca punca harga ikan, hasil laut naik di Kedah
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Ikan hiasan : Perak jadi penyumbang terbesar
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Pakej candat sotong laku keras• UMT temui sepsis baharu ikan seriding
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Harga sotong murah di Terengganu
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		29	12/6/2027

Perak pengeluar terbesar arowana

IPOH - Perak merupakan penyumbang terbesar kepada industri ikan hiasan arowana atau kelisa negara apabila merekodkan pengeluaran sebanyak 1,108,450 ekor ikan berkenaan tahun lepas.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, jumlah berkenaan adalah sebahagian besar daripada pengeluaran sebanyak 1,172,544 ekor arowana negara pada 2022.

"Nilai dagangan bagi arowana pada 2022 mencatatkan RM87 juta secara keseluruhan dan Perak telah menyumbang sebanyak 72 peratus nilai dagangan itu," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Beliau berkata, negeri lain yang turut menyumbang adalah Johor dengan 66,367 ekor, Selangor (21,200), Pulau Pinang (19,137), Melaka (2,096) dan Negeri Sembilan (1,565).

Katanya setakat ini, sebanyak 96 ladang arowana telah berdaftar dengan Jabatan Perikanan yang beroperasi di



Sebanyak 96 ladang arowana telah berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan beroperasi di Bukit Merah, Perak.



ADNAN

Bukit Merah dengan keseluruhan ladang berkeluasan 145 hektar.

Sementara itu, Adnan berkata, nilai dagangan ikan hiasan seluruh negara mencatatkan RM370 juta hasil pengeluaran 245 juta ekor ikan hiasan.

"Perak telah mengeluarkan kira-kira 63 juta ekor ikan hiasan yang menyumbang kepada nilai dagangan sebanyak RM92 juta dan pasaran utama eksport lebih

50 peratus ikan kelisa negara kita adalah China.

"Ikan hiasan ini juga turut dieksport ke Jepun, Korea Selatan, Sri Lanka, Ireland, Vietnam dan Thailand manakala jenis ikan yang dieksport adalah jenis Malaysia Gold, Highback, Nami, Silver dan Super Red," katanya.

Menurut Adnan, Jabatan Perikanan telah mewujudkan satu Pelan Strategik Pengurusan Perikanan Darat bagi tempoh 2021-2025 sebagai garis panduan untuk pelaksanaan pengurusan perikanan darat di Malaysia termasuklah kawasan santuari.

- Bernama

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH	
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL		16	
							12/6/2023

Kami serbu Terengganu, tempahan sewa bot RM1,700 penuh

Pakej candat sotong laku keras

Oleh TENGKU DANISH BAHRI
TENGKU YUSOFF

KUALA NERUS – Berita lambakan sotong di perairan Terengganu pada musim mencandat kini memberi limpahan rezeki buat pemilik bot nelayan di negeri ini.

Tempahan bot untuk mencandat sotong terutama kumpulan dari luar Terengganu telah meningkat mendadak sejak akhir bulan lalu.

Seorang nelayan, Ahmad Fadil Nur Ghani, 33, dari Kampung Batu, Seberang Takir, di sini berkata, kadar sewaan sebuah bot pada musim mencandat ini ditetapkan pada RM1,700.

Dia berkata, caj itu meliputi sewaan bot dan peralatan mencandat, upah tekong dan pembantu serta perkhidmatan memasak.

"Lazimnya setiap trip akan bertolak dari jeti pada pukul 3 petang dan mereka akan menghabiskan masa di tengah laut untuk mencandat sotong antara 15 hingga 24 jam.

"Walaupun kadar sewaan bot tahun ini naik sedikit, rata-rata pelanggan saya puas hati kerana boleh membawa pulang banyak sotong," katanya kepada Kosmo di sini semalam.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Fazillah Baharuddin, 41, dari Kampung Pulau Duyung, Kuala Terengganu pula berkata, rata-rata pelanggan yang mencandat dengan botnya mampu mem-



SEKUMPULAN pencandat sotong menunjukkan hasil tangkapan mereka di Jeti Seberang Takir, Kuala Nerus semalam.

bawa pulang sehingga setengah tan sotong bagi setiap trip.

"Pada waktu kemuncak musim ini, sotong memang banyak berenang di perairan Terengganu.

"Kalau dapat bertemu libik sotong dan tepat pada masanya,

hasil memang lumayan," katanya.

Mohd. Fazillah mengakui tidak menyangka menerima tempahan sewaan bot termasuk daripada badan korporat di ibu negara.

Jelas beliau, tempahan bagi

bot nelayan kelas A juga hampir penuh sehingga bulan depan.

"Nampaknya saya dan awak-awak akan kurang turun ke laut pada musim mencandat ini kerana kebanyakan bot kami telah disewa," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	16	12/6/2023

UMT temui spesies baharu ikan seriding

KUALA NERUS – Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berjaya menemui spesies baharu ikan seriding atau nama saintifiknya, *ambassis* baru-baru ini.

Ketua projek penyelidikan tersebut, Prof. Dr. Siti Azizah Mohd. Nor berkata, setakat ini, spesies baharu ikan yang dinamakan *ambassis octava* itu dikesan terdapat di pesisir pantai Johor, Perak dan Pulau Pinang.

Beliau berkata, *ambassis octava* yang ditemui oleh penyelidik UMT dan Universiti Sains Malaysia (USM) itu merupakan spesies kelapan ikan seriding yang pernah ditemui.

"Spesies terdahulu iaitu ketujuh ikan *ambassis* dikenali sebagai *ambassis kopsii* yang berjaya ditemui saintis kesian di Singapura pada 1858.

"Kejayaan mengenal pasti spesies kelapan serelah 165 tahun *ambassis kopsii* dijumpai merupakan penemuan yang bersejarah," katanya.

Siti Azizah berkata, antara ciri



IKAN *ambassis octava*.

ikan *ambassis* ialah ia memiliki duri dan gerigi di kepala yang tajam.

Tambah beliau, spesies ikan terbabit suka hidup di dalam kawasan pantai yang mempunyai ekosistem bakau.

"Artikel berkenaan penemuan *ambassis octava* diterbitkan di dalam *Ichthyological Research* yang merupakan jurnal saintifik antarabangsa berprestij disunting Persatuan Iktiologi Jepun," katanya.



SEORANG anggota pasukan penyelidik UMT, Siti Zafirah Ghazali menunjukkan ikan *ambassis octava* yang merupakan spesies baharu.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		8	12/6/2023

Ikan hiasan: Perak jadi penyumbang terbesar

Ipoh: Perak merupakan penyumbang terbesar kepada industri ikan hiasan arowana atau kelisa negara apabila merekodkan pengeluaran sebanyak 1,108,450 ikan berkenaan tahun lalu.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, jumlah berkenaan adalah sebahagian besar daripada pengeluaran sebanyak 1,172,544 ekor arowana negara pada 2022.

"Nilai dagangan bagi arowana pada 2022 mencatatkan RM87 juta secara keseluruhan dan Perak te-

lah menyumbang sebanyak 72 peratus nilai dagangan itu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, negeri lain yang turut menyumbang adalah Johor dengan 66,367 ekor, Selangor (21,200), Pulau Pinang (19,137), Melaka (2,096) dan Negeri Sembilan (1,565).

Katanya, setakat ini, sebanyak 96 ladang arowana sudah berdaftar dengan Jabatan Perikanan yang beroperasi di Bukit Merah dengan keseluruhan ladang berkeluasan 145 hektar.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			16	12/6/2023

Faktor cuaca punca harga ikan, hasil laut naik di Kedah

Kuala Kedah: Harga ikan dan hasil tangkapan laut di sini terus meningkat berikutan keadaan ombak kuat dan angin kencang sejak hampir sebulan lalu.

Tinjauan di pelantar ikan Kampung Seberang Kota, di sini mendapati ikan kembung mencecah RM15 sekilogram berbanding RM7 hingga RM10 sebelum ini.

Nelayan mendakwa kekurangan hasil tangkapan ikan serta hasil tangkapan laut mungkin berlarutan hingga Aidiladha bergantung kepada keadaan cuaca, walaupun mendapat permintaan tinggi.

Nelayan, Nazri Ahmad, 52, berkata keadaan ombak di tengah laut setinggi 0.5 hingga 1.5 meter menyebabkan kebanyakan nelayan terpaksa berpatah balik kerana bimbang dipukul ombak.

Dia hanya menangkap ikan di pesisir kuala seawal jam 6 pagi dan pulang ke pelantar sekitar jam 9 atau 10 pagi dengan hasil tangkapan sekitar satu atau dua kilogram sahaja.

"Ditambah pula dengan musim kurang musim ikan waktu ini, tangkapan diperolehi cukup, walaupun sedikit.

"Antara ikan yang selalu dapat adalah senangin, gelama, tamban dan kembung. Cukuplah untuk modal duit minyak dan untuk makan setiap hari" katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Peniaga ransing

Peniaga ikan, Khadijah Md Syah, 48, berkata, hasil ikan dan laut yang berkurangan merunsingkan peniaga serta nelayan kerana jualan merosot.

Katanya, mereka hanya bergantung pada hasil jualan ikan dan tangkapan laut setiap hari tetapi disebabkan tangkapan ikan kurang, mereka tidak dapat berbuat apa-apa melainkan menjual apa yang ada.

"Harga ikan kembung hari ini (semalam) sekitar RM15 sekilogram dan mungkin lebih mahal di pasar awam kerana di sini kami jual dengan harga peraih yang lebih murah.

"Harga udang rotan pula mencecah RM25 sekilogram, manakala harga udang putih mencecah RM40 sekilogram.

"Tahun ini cabaran buat nelayan dan peniaga ikan di sini kerana harga ikan tidak menentu sejak awal tahun dan meningkat jika keadaan cuaca tidak menentu serta ombak kuat di tengah laut," katanya.